

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]**

TARIKH : 04 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah terdapat dapatan dari mana-mana kajian keperluan menetapkan kadar gaji yang berbeza-beza antara urban, sub-urban dan rural. Sekiranya ada, apakah penambahbaikan yang telah dilakukan oleh Kerajaan untuk diperkenalkan.

PR-1422-L04629

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah melaksanakan gaji minimum seragam seluruh negara pada kadar RM1,100 sebulan berkuat kuasa 1 Januari 2019. Kadar tersebut adalah kadar untuk semua kawasan dan negeri di Malaysia dan terpakai kepada seluruh pekerja sektor swasta.
2. Berkenaan dengan cadangan keperluan menetapkan kadar gaji minimum yang berbeza-beza antara *urban*, *sub-urban* dan *rural*, Kerajaan berpendirian cadangan ini perlu dikaji secara teliti mengenai kesesuaiannya sebelum dilaksanakan.
3. Kerajaan telah memutuskan pembayaran gaji minimum baharu yang seragam di seluruh negara adalah selaras dengan hasrat dan komitmen Kerajaan yang bertujuan untuk memastikan rakyat mendapat hak yang sama rata dari aspek gaji tanpa mengira wilayah atau lokasi.
4. Asas pendirian Kerajaan untuk melaksanakan gaji minimum seragam seluruh negara selepas mengambil kira sebab-sebab seperti berikut:
 - (a) kos sara hidup untuk barang asas adalah sama di seluruh negara;
 - (b) bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan yang berkesan agar objektif asas dasar gaji minimum dapat dicapai;
 - (c) tujuan pelaksanaan gaji minimum adalah untuk melindungi pekerja dalam *vulnerable group* (pekerja-pekerja asas yang mempunyai tahap akademik dan kemahiran rendah atau kurang berpengalaman) yang mana mereka majoritinya banyak bekerja di Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS); dan

SOALAN NO: 14

(d) boleh menyebabkan perpindahan (mobilasi) pekerja dari luar bandar ke bandar kerana gaji minimum yang diberikan di bandar adalah lebih tinggi. Keadaan ini secara tidak langsung mewujudkan keadaan yang tidak seimbang dari aspek penawaran tenaga kerja antara luar bandar dan bandar.

5. Kesimpulannya, asas utama Kerajaan pada kali ini adalah untuk menyeragamkan kadar gaji minimum seluruh negara bagi menghapuskan diskriminasi dalam pembayaran gaji minimum. Langkah ini juga sekali gus memberikan manfaat yang menyeluruh kepada rakyat dan memastikan ekonomi negara kekal berdaya saing.